

08 DEC 1998

Negara-Usul

USUL MINTA CAMDESSUS LETAK JAWATAN DIBAHASKAN DI DEWAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 8 Dis (Bernama) -- Persidangan Dewan Negara hari ini menerima untuk dibahaskan usul meminta Pengarah Urusan Tabung Matawang Antarabangsa (IMF), Michel Camdessus meletakkan jawatan berikutan kegagalannya membuat perhitungan yang sesuai bagi menangani krisis ekonomi Asia.

Usul itu yang dicadangkan Senator Datuk Abdul Aziz Abdul Rahman turut menyatakan Camdessus perlu berbuat demikian disebabkan kegagalannya menggubal serta melaksanakan segera Sistem Pengawasan Perdagangan Matawang Dunia.

Ketika mencadangkan usul itu, Abdul Aziz berkata ia dicadangkan setelah menyedari hakikat bahawa krisis ekonomi yang melanda rantau Asia sejak Julai 1997 telah mengakibatkan keretakan sosial dan politik negara-negara terlibat.

Selain itu krisis ekonomi yang kini merebak ke peringkat antarabangsa adalah akibat kegiatan spekulasi matawang, katanya.

Gesaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya diadakan Sistem Pengawasan Perdagangan Matawang Dunia, walaupun disokong oleh pemimpin dan pakar ekonomi dunia, sehingga kini masih belum digubal dan dilaksanakan.

IMF bukan sahaja gagal memulihkan masalah ekonomi di Asia malah krisis berkenaan telah merebak ke Russia, Brazil dan kini ke seluruh dunia yang berpunca daripada kegiatan spekulasi matawang seperti George Soros, katanya.

Beliau juga berkata, pendekatan IMF telah berubah berbanding pada awal penubuhannya pada 1944, apabila ia kini lebih berperanan sebagai alat kepada kuasa besar terutama Amerika Syarikat (AS) dengan kuasa yang lebih daripada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Abdul Aziz berkata, IMF dan AS juga berusaha mencampuri urusan politik sesebuah negara dan telah menumbangkan beberapa pemimpin seperti berlaku di Indonesia, Thailand, Korea Selatan dan Jepun.

"Malah Amerika juga menentang langkah Jepun untuk menyediakan dana US\$100 bilion untuk membantu mengatasi krisis ekonomi Asia," katanya.

Abdul Aziz turut mencadangkan agar ditubuhkan Tabung Kewangan Asia bagi tujuan menangani masalah ekonomi itu.

Senator Datuk Ibrahim Ali pula berkata IMF perlu dibubarkan kerana fungsinya tidak lagi untuk menguruskan kewangan dunia, sebaliknya mempunyai agenda politik yang didokongi AS.

Katanya, peletakan jawatan oleh Camdessus dan diganti dengan individu lain sahaja tidak akan membantu mengubah fungsi IMF sekiranya IMF masih dikuasai AS.

Senator Kamalia Ibrahim berkata kegagalan IMF dalam membantu memulihkan ekonomi negara-negara yang terlibat dengan krisis adalah sesuatu yang dirancang oleh Barat terutama AS.

Katanya, AS melihat rantau Asia Pasifik khasnya sebagai satu ancaman kerana rantau ini berpotensi besar untuk muncul sebagai kuasa baru ekonomi.

Bagaimanapun kata Kamalia, kegagalan itu juga telah mula dipersoalkan oleh pembayar cukai AS sebagai penyumbang utama IMF yang merasakan badan itu sudah tidak mampu lagi melaksanakan peranannya dalam mengendalikan krisis ekonomi dunia.

Kamalia seterusnya mencadangkan agar PBB menstruktur semula IMF dan diberi matlamat yang sepatutnya.

"Ia juga harus dipastikan tidak lagi menjadi badan yang dikawal sepenuhnya oleh Barat serta mendapatkan negara-negara kaya yang lain sebagai anggota," katanya.

Senator Datuk Zainuddin Maidin pula berpendapat campur tangan kuasa asing menerusi IMF terhadap negara-negara di rantau ini timbul daripada perasaan takut terhadap kebangkitan Asia.

Katanya, campur tangan IMF di Indonesia masih gagal membantu negara berkenaan menangani kemelut ekonominya sebaliknya sistem sosial negara berkenaan telah dihancurkan.

IMF berjanji menghulurkan bantuan US\$45 bilion kepada Indonesia tetapi pada masa yang sama kaum Cina di negara itu pula membawa keluar sebanyak US\$65 bilion ketika berlaku kejadian rusuhan, katanya.

Mengenai peranan media, beliau berkata, media asing sememangnya tidak pernah menyatakan sokongan terhadap dasar-dasar Malaysia sejak dahulu lagi dengan mengkritik Dasar Ekonomi Baru dan usaha Dr Mahathir menarik pelabur asing ke negara ini.

Persidangan disambung esok.

-- BERNAMA

RZS NM NMO